

Sikap Terhadap Penggunaan Alat Pelindung Pendengaran dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia
(*Attitudes Toward the Use of Hearing Protection Device Among Undergraduate Students of Universiti
Kebangsaan Malaysia*)

CHE MUHAMMAD AMIR CHE AWANG*, NOOR ALAUDIN ABDUL WAHAB, NASHRAH
MAAMOR & RAFIDAH MAZLAN

ABSTRAK

Penggunaan alat pelindung pendengaran adalah salah satu cara yang efisien untuk melindungi pendengaran seseorang dari kerosakan akibat bunyi yang kuat. Kajian mengenai sikap kumpulan dewasa awal, terutamanya dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia terhadap penggunaan alat pelindung pendengaran adalah terhad. Sehubungan itu, seramai 134 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah terlibat di dalam kajian soal-selidik ini secara dalam talian. Soalan soal-selidik berkaitan penggunaan alat pelindung pendengaran versi Bahasa Inggeris telah melalui proses terjemahan kehadapan dan kebelakang untuk menghasilkan versi Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati penggunaan alat pelindung pendengaran di tempat yang memainkan muzik dengan kuat adalah rendah iaitu sebanyak 11.9% daripada keseluruhan responden. Hubungan antara faktor sosiodemografi dengan penggunaan alat pelindung pendengaran adalah tidak signifikan ($p > 0.05$). Oleh itu, tidak terdapat hubungan antara faktor sosiodemografi (jantina dan bidang akademik) dengan penggunaan alat pelindung pendengaran. Penemuan kajian ini memberi implikasi bahawa pendedahan terhadap kepentingan penggunaan alat pelindung pendengaran perlu dikembangkan secara lebih meluas untuk meningkatkan penggunaan alat tersebut di tempat yang terdapat bunyi-bunyi yang kuat sebagai langkah untuk mengurangkan risiko masalah hilang pendengaran.

Kata kunci: alat pelindung pendengaran, sikap, dewasa awal, hilang pendengaran, bunyi kuat

ABSTRACT

The use of hearing protection is one of the efficient ways to protect a person's hearing from damage due to loud noise. Studies on the attitudes of early adult groups, especially among university students in Malaysia, towards hearing protective devices are limited. In this regard, a total of 134 students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) were involved in this online survey. The English version of questionnaires related to hearing protective devices has gone through forward and backward translation processes to produce the Malay version. The study results found that hearing protective devices in places with loud music is low, i.e., 11.9% of the total respondents. The relationship between sociodemographic factors and the use of hearing protective devices was not significant ($p > 0.05$). Thus, there was no relationship between sociodemographic factors (gender and academic field) with the devices. The findings of this study suggest that exposure to the importance of hearing protection devices should be expanded to increase the use of such devices in loud noise places to reduce the risk of hearing loss.

Keywords: hearing aids, attitude, early adulthood, hearing loss, loud noise

PENGENALAN

Kajian lepas mendapati golongan dewasa awal sering dikaitkan dengan pelbagai masalah kesihatan seperti obesiti, kemurungan, ketagihan rokok dan vape serta masalah kehilangan pendengaran (Park et al., 2006; Wang et al., 2020). Menurut Henry dan Fooks (2012), amalan mendengar muzik merupakan satu bentuk pendedahan rekreasi terhadap bunyi yang paling kerap berlaku. Pada tahun 2021, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan lebih daripada 1 bilion golongan dewasa muda berisiko untuk hilang pendengaran akibat daripada pendedahan terhadap bunyi rekreasi yang kuat. Kajian juga mendapati faktor yang menyumbang kepada masalah pendengaran dalam golongan dewasa muda pada masa kini bukan hanya terdedah kepada bunyi bising dalam pekerjaan tetapi boleh juga berlaku ketika rekreasi (Le Clercq et al., 2016). Kemunculan alat-alat teknologi baharu yang canggih seperti amplifier muzik dan alat mendengar muzik persendirian yang mengeluarkan bunyi muzik yang amat kuat dan tidak selamat boleh meningkatkan risiko kepada masalah pendengaran (McCormick & Matusitz, 2010). Walaupun dengan kemunculan teknologi baharu iaitu *noise reduction* yang mampu mengurangkan pengguna alat mendengar muzik persendirian mendengar bunyi yang kuat, kebanyakannya masih terdedah kepada bunyi muzik yang kuat di tempat tertentu yang tidak menghadkan kekuatan bunyi muzik. Sehubungan itu, terdapat beberapa kaedah untuk melindungi seseorang dari terdedah kepada bunyi-bunyi muzik yang kuat. Antaranya ialah memperlahan bunyi tersebut, menjauhkan diri daripada sumber bunyi dan memakai alat pelindung pendengaran. Kajian mendapati bahawa alat pelindung pendengaran sangat efektif untuk melindungi seseorang daripada bunyi bising (Ramakers et al., 2016). Terdapat beberapa jenis alat pelindung pendengaran seperti jenis pakai buang, boleh digunakan semula dan jenis fon kepala.

Zhao et al. (2012) telah menyatakan dalam kajian sistematiknya bahawa terdapat kajian yang dilakukan terhadap 101 pelajar sekolah menengah mengenai pengetahuan terhadap isu masalah pendengaran mendapati kebanyakannya mempunyai pengetahuan yang teruk mengenai masalah pendengaran disebabkan bunyi bising. Srihari et al. (2021) menjalankan kajian terhadap 3000 pelajar sekolah dan kolej di India mendapati bahawa bilangan pelajar yang kurang kesedaran terhadap hilang pendengaran disebabkan bunyi bising amat tinggi iaitu sebanyak 72%. Kajian ini menunjukkan bahawa segelintir golongan dewasa muda kurang

sedar mengenai bahaya bunyi bising. Selain itu, kajian Alnuman dan Ghnimat (2019) telah dilakukan terhadap 245 pelajar yang dipilih daripada 3 buah universiti di Jordan untuk mengkaji kehadiran dalam aktiviti yang boleh meningkatkan risiko hilang pendengaran seperti di tempat yang memainkan muzik dengan kuat. Keputusannya mendapati bahawa kehadiran pelajar lelaki lebih tinggi di kelab atau disko (49.2%) dan juga konsert (57.6%) berbanding pelajar perempuan iaitu sebanyak 15.7% di kelab atau disko dan 47.8% di konsert. Walaubagaimanapun, kehadiran pelajar perempuan lebih tinggi dalam aktiviti di majlis-majlis keramaian atau parti (89.4%) berbanding pelajar lelaki 70.5%. Di samping itu, terdapat kajian terdahulu ke atas sikap golongan dewasa muda terhadap penggunaan alat pelindung pendengaran mendapati kebanyakan kurang memakai alat pelindung pendengaran di tempat yang memainkan muzik kuat. Kajian oleh Widén et al. (2009) terhadap 258 pelajar di University of Pennsylvania, Amerika Syarikat mendapati hanya 3% menggunakan alat pelindung pendengaran ketika di tempat konsert dan disko walaupun mengetahui bahawa bunyi bising di tempat tersebut boleh merosakkan pendengaran. Selain itu, kajian Alnuman dan Ghnimat (2019) juga mendapati 25.67% pelajar menganggap penggunaan alat pelindung pendengaran adalah normal dan sesuatu yang positif. Mereka dilaporkan menerima penggunaan alat pelindung pendengaran dalam aspek penampilan dan juga fungsi alat tersebut. Namun hanya 9.8% pelajar pernah menggunakan alat pelindung pendengaran. Kekurangan pengetahuan tentang kepentingan alat pelindung pendengaran serta anggapan negatif terhadap alat tersebut dari segi penampilan antara penyumbang kepada kekurangan penggunaan alat pelindung pendengaran dalam kajian tersebut. Menyedari tiada lagi kajian sedemikian dalam populasi Malaysia, kajian sebegini amat diperlukan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan penggunaan alat pelindung pendengaran iaitu merangkumi peratusan penggunaan alat pelindung pendengaran, sebab tidak memakai alat pelindung pendengaran dan juga persepsi terhadap pemakaian alat pelindung pendengaran dalam kalangan pelajar UKM. Kajian ini juga dapat memberikan gambaran tentang penerimaan terhadap penggunaan alat pelindung pendengaran pada masa hadapan. Selain itu, tujuan lain kajian ini juga untuk menilai pengetahuan dan kesedaran golongan dewasa muda tentang masalah pendengaran. Hasil daripada kajian ini berupaya menilai kemungkinan risiko masalah pendengaran dalam golongan dewasa muda di negara kita.

METOD

Kajian ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMMC). (No rujukan etika: UKM PPI/111/8/JEP-2021-077)

Subjek

Responden dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Terdapat 421 maklumat emel pelajar daripada ketiga-tiga kampus (Bangi, Cheras dan Kuala Lumpur) telah diperolehi daripada pihak dekan-dekan fakulti. Oleh itu, emel jemputan mengandungi borang soal selidik telah dihantar melalui e-mel kepada 421 orang pelajar UKM tersebut. Kriteria penerimaan merangkumi pelajar yang berumur 19 sehingga 30 tahun, boleh memahami bahasa Melayu bertulis dan pelajar prasiwazah manakala kriteria penolakan ialah pelajar asing untuk meminimumkan bias dalam hasil kajian disebabkan faktor perbezaan pendidikan, budaya dan kesedaran dari negara asal mereka. Semua subjek yang melepasi kriteria penerimaan dan penolakan yang telah ditetapkan disarankan untuk mengisi borang soal selidik dalam borang google yang dilampirkan pada e-mel pelajar (misalnya a156789@siswa.ukm.edu.my). Pengumpulan data berlangsung dari Oktober 2020 hingga Jun 2021. Daripada 421 pelajar yang dijemput, sebanyak 134 pelajar telah bersetuju untuk menyertai kajian ini. Persetujuan bertulis telah diperolehi daripada 134 pelajar UKM untuk penyertaan dalam kajian ini. Kemudian, 134 responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan bidang akademik iaitu bidang berkaitan kesihatan dan bukan berkaitan kesihatan. Pelajar daripada bidang berkaitan kesihatan merangkumi pelajar dari kampus Cheras dan Kuala Lumpur manakala pelajar daripada bidang tidak berkaitan kesihatan adalah pelajar dari kampus Bangi

Bahan Kajian

Kajian ini mengadaptasi borang soal selidik yang dibangunkan oleh Alnuman dan Ghnimat (2019) bertujuan untuk menilai kehilangan pendengaran disebabkan oleh bunyi bising dan kesedaran tentang kesan bunyi bising terhadap pendengaran. Kebenaran bertulis untuk tujuan terjemahan dan adaptasi soalan asal telah diperolehi dari pengarang utama soal selidik melalui email. Borang soal selidik ini diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan soalan-soalan ditanya seperti aktiviti yang dijalankan telah disesuaikan mengikut

keadaan pandemik semasa. Item sosiodemografi mengenai umur, jantina, bangsa, kewarganegaraan, maklumat pendidikan dan pendapatan keluarga dimasukkan dalam borang soal selidik. Sebanyak 20 soalan terbuka dan tertutup dalam borang selidik versi bahasa Melayu (Lampiran A) mengenai persepsi subjek terhadap masalah semasa dalam generasi muda, masalah pendengaran atau hilang pendengaran, amalan penggunaan alat pelindung pendengaran merangkumi peratusan penggunaan alat pelindung pendengaran, sebab tidak memakai alat pelindung pendengaran dan juga persepsi terhadap pemakaian alat pelindung pendengaran dan terakhir mengenai pengetahuan mengenai masalah pendengaran dan alat pelindung pendengaran.

Analisis statistik

Semua data input dianalisis dalam Social Packages for the Social Sciences (SPSS) version 23.0 for windows. Data yang dikumpulkan dari semua borang soal selidik diisi dengan lengkap dan tepat. Responden dikodkan, dan semua data dianalisis secara kolektif untuk memastikan kerahsiaan subjek. Sosiodemografi dan item berkenaan penggunaan alat pelindung pendengaran dalam kalangan pelajar UKM dianalisis menggunakan analisis deskriptif seperti purata, sisihan piawai, dan frekuensi. Data juga dianalisis menggunakan ujian *Chi square* atau *Fisher exact test* untuk menentukan perbezaan antara jantina dan bidang akademik.

HASIL KAJIAN

Seramai 134 pelajar prasiwazah Universiti Kebangsaan Malaysia telah terlibat di dalam kajian ini. Sampel terdiri daripada 106 (79.1%) kaum Melayu, 13 (9.7%) kaum Cina, 14 (10.4%) kaum India dan 1 (0.7%) lain-lain. Secara keseluruhan, purata umur responden ialah 22.57 tahun (SP= 1.234). 32 (23.9%) adalah responden lelaki dan 102 (76.1%) responden perempuan. 91 (67.9%) adalah responden daripada bidang pengajian kesihatan (fakulti perubatan dan kejururawatan, sains kesihatan, pergigian dan farmasi) dan 43 (32.1%) adalah responden daripada bidang pengajian bukan kesihatan.

Secara umumnya, 128 (95.5%) responden menyatakan bahawa mereka mengetahui bahawa bunyi muzik yang kuat berupaya merosakkan pendengaran. Berpandukan bidang akademik, 43 (100%) responden dari bidang bukan kesihatan dan 85 (93.4%) responden dari bidang kesihatan masing-masing mengetahui

muzik yang kuat berupaya merosakkan sistem pendengaran. Selain itu, 30 (93.8%) responden lelaki dan 98 (96.1%) responden perempuan masing-masing mengetahui bahawa muzik kuat boleh merosakkan pendengaran. Hubungan antara item sosiodemografi (jantina dan bidang akademik) dengan pengetahuan tentang masalah pendengaran diukur melalui pengiraan statistik Fisher's Exact Test. Hasil ujian mendapati kedua-dua item tersebut mempunyai nilai $p > 0.05$. Oleh itu, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara item sosiodemografi (jantina dan bidang akademik) dengan pengetahuan tentang masalah pendengaran.

Seterusnya, sebanyak 16 (11.9%) daripada keseluruhan responden melaporkan pernah menggunakan alat pelindung pendengaran ketika berada di tempat yang memainkan muzik yang kuat seperti di konsert, disko atau majlis keramaian. Dari sudut bidang akademik, 13 (14.3%) orang responden dari bidang kesihatan dan 3 (7.1%) orang responden dari bidang bukan kesihatan masing-masing melaporkan bahawa mereka pernah memakai alat pelindung pendengaran ketika berada di tempat yang memainkan muzik yang kuat. Dari sudut jantina, didapati 3 (9.4%) orang responden lelaki dan 13 (12.7%) responden perempuan masing-masing melaporkan bahawa mereka pernah memakai pelindung pendengaran ketika berada di tempat yang memainkan muzik yang kuat. Hubungan antara item sosiodemografi iaitu jantina dan bidang akademik dengan dengan penggunaan alat pelindung pendengaran diukur melalui pengiraan statistik Fisher's Exact Test dan Chi-Square Test. Hasil ujian tersebut mendapati kedua-dua item tersebut mempunyai nilai $p > 0.05$. Oleh itu, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara item sosiodemografi (jantina dan bidang akademik) dengan penggunaan alat pelindung pendengaran.

Terdapat 118 (88.1%) responden melaporkan tidak pernah memakai alat pelindung pendengaran dalam aktiviti yang terdapat bunyi muzik yang kuat. Sebanyak 101 (75.4%) responden sahaja menjawab soalan ini. 28 (27.7%) responden menyatakan tidak tahu tentang kewujudan atau manfaat alat tersebut, 29 (28.7%) merasakan tiada keperluan, 16 (15.8%) menyatakan jarang atau selalu mengelakkan diri ke tempat terdapat muzik kuat, 13 (12.9%) menyatakan kerana tidak mempunyai alat tersebut, 7 (6.9%) kerana merasakan bunyi tersebut adalah perlahan, 3 (3.0%) menyatakan kerana berasa tidak selesa bila memakainya, 3 (3.0%) menyatakan sebab malu dan 2 (2.0%) menyatakan kerana lebih gemar mendengar muzik yang kuat.

Selain itu, responden ditanya tentang persepsi

mereka apabila melihat seseorang memakai alat pelindung pendengaran di tempat yang memainkan muzik yang kuat, 81 (60.4%) responden merasakan ianya sesuatu yang positif seperti bagus, teruja, hebat, menjaga pendengaran dan banyak lagi. 3 (2.2%) responden memberi reaksi negatif iaitu kelihatan buruk. 9 (6.7%) responden merasakan itu sebagai sesuatu yang normal. 11 (8.2%) responden melaporkan mereka berasa pelik atau hairan melihat seseorang memakai alat pelindung pendengaran. 13 (9.7%) responden menyatakan mereka tidak mengambil kisah melihat seseorang memakai alat pelindung pendengaran. 11 (8.2%) berasa simpati atau kasihan melihat seseorang memakai alat pelindung pendengaran dan 6 (4.5%) menganggap pemakaian alat pelindung pendengaran adalah sesuatu yang kelakar.

PERBINCANGAN

Kajian ini melaporkan tentang sikap pelajar terhadap penggunaan alat pelindung pendengaran yang diukur melalui peratusan penggunaan alat pelindung pendengaran, sebab tidak memakai alat pelindung pendengaran dan juga persepsi terhadap pemakaian alat pelindung pendengaran. Secara keseluruhan, penggunaan alat pelindung pendengaran ketika di tempat yang mempunyai muzik yang kuat dalam kalangan pelajar UKM amat rendah iaitu sebanyak 16 (11.9%) orang sahaja. Penemuan ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Alnuman dan Ghnimat (2019) mendapati penggunaan alat pelindung pendengaran dalam kalangan pelajar universiti di Jordan amat rendah iaitu sekitar 24 (9.8%) daripada 245 subjek. Berdasarkan pembelajaran yang lebih menjerumus kepada kesihatan, kajian menjangkakan bahawa penggunaan alat pelindung pendengaran dalam kalangan pelajar daripada bidang kesihatan melebihi pelajar daripada bidang bukan berkaitan kesihatan dan terdapat hubungan signifikan antara bidang akademik dan penggunaan alat pelindung pendengaran. Hal ini kerana pelajar daripada bidang berkaitan kesihatan berkemungkinan menerima lebih pendedahan atau maklumat tentang alat pelindung pendengaran berbanding pelajar dalam bidang bukan berkaitan kesihatan. Tetapi hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan ketara penggunaan alat pelindung pendengaran antara pelajar dalam bidang berkaitan atau tidak berkaitan kesihatan. Walau bagaimanapun, peratusan pelajar yang tidak memakai alat pelindung pendengaran daripada kedua-dua bidang agak tinggi. Oleh itu, kajian percaya pelajar dari kedua-dua bidang

tersebut kurang menerima pendedahan tentang alat tersebut dan hal ini mempengaruhi penggunaan alat pelindung pendengaran yang amat rendah dalam kedua-dua bidang tersebut.

Golongan dewasa awal menganggap mereka sebagai pencinta muzik (Hunter, 2018). Menurut Mercier dan Hohmann (2002), golongan dewasa awal beranggapan bunyi muzik akan lebih bagus dan jelas apabila dipasang sangat kuat. Ini mempengaruhi mereka untuk kurang menggunakan alat pelindung pendengaran terutamanya semasa mereka ingin menikmati muzik seperti di tempat konsert, disko atau kelab malam. Selain itu, golongan dewasa awal juga lebih mementingkan norma sosial di mana mereka tidak akan membuat sesuatu perkara sekiranya kebanyakan golongan mereka tidak melakukannya walaupun perkara tersebut ada kebaikan (Widén, 2013). Sama seperti alat pelindung pendengaran, mereka tidak akan memakainya apabila tiada daripada mereka yang memakainya. Penggunaan alat pelindung pendengaran yang rendah dalam golongan dewasa awal juga ada dikaitkan dengan penampilan. Telah ditunjukkan secara konsisten bahawa mereka yang mementingkan penampilan diri kurang cenderung memakai alat pelindung pendengaran walaupun disediakan secara percuma (Bogoch et al., 2005). Namun, hasil kajian menunjukkan sebaliknya di mana kebanyakan pelajar UKM menyatakan mereka tidak memakai alat pelindung pendengaran disebabkan tidak mengetahui kewujudan dan kegunaan alat tersebut dan merasakan tiada keperluan memakainya. Hal ini berkait rapat dengan kurangnya pendedahan dan pengetahuan tentang kewujudan, kegunaan dan juga kepentingan alat pelindung pendengaran. Kajian percaya bahawa penggunaan alat pelindung pendengaran yang amat rendah dalam kalangan pelajar UKM juga berpunca daripada kurang pengetahuan dan keprihatinan terhadap kerosakan pendengaran akibat bunyi muzik yang kuat. Kebanyakan golongan dewasa awal tidak prihatin kepada masalah pendengaran (Chung et al., 2005) dan lebih membimbangkan masalah lain yang selalu dihadapi oleh golongan dewasa awal seperti obesiti, kemurungan, ketagihan merokok, alkohol dan penyalahgunaan dadah. Hal ini menyebabkan mereka tidak menjaga pendengaran mereka sebaik mungkin. Walaupun begitu, kebanyakan pelajar memberi reaksi positif apabila melihat seseorang memakai alat pelindung pendengaran di tempat yang memainkan muzik yang kuat. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan mereka menerima dengan baik penggunaan alat pelindung pendengaran dalam masyarakat. Hanya segelintir pelajar memberi reaksi tidak baik seperti

buruk dan kelakar. Faktor mementingkan penampilan diri berkemungkinan mempengaruhi persepsi mereka.

Melihat kepada rendahnya tahap keprihatinan terhadap masalah pendengaran yang berpunca daripada bunyi kuat, terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi program-program atau kempen-kempen untuk meningkatkan kesedaran dan mencegah masalah pendengaran disebabkan bunyi kuat melalui pendidikan seperti program Dangerous Decibels (Martin et al., 2006). Hal ini kerana kebanyakan masalah pendengaran berpunca daripada bunyi kuat dapat dicegah melalui pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung (Widén et al., 2006). Selain itu, kerjasama daripada pihak kerajaan khususnya kementerian kesihatan, pihak bukan kerajaan (NGO) dan syarikat pengeluar alat pelindung pendengaran amat diperlukan untuk mempromosikan dan menggalakkan penggunaan alat pelindung pendengaran kepada masyarakat.

LIMITASI KAJIAN DAN CADANGAN

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Antaranya ialah kajian menggunakan jumlah responden yang sedikit iaitu kurang daripada separuh jumlah dewasa awal di UKM (Jumlah populasi: 22000 pelajar UKM, 17,500 pelajar sarjana muda dan 5,105 pelajar pascasiswazah di mana 1,368 merupakan pelajar asing dari 35 buah negara). Hal ini mungkin mengakibatkan hasil kajian tidak mewakili keseluruhan populasi belia di UKM. Walaupun begitu, hasil analisis kuasa menggunakan Gpower mendapati jumlah responden iaitu seramai 134 sudah mencapai 80%. Selain itu, jumlah responden tidak sekata antara bidang pengajian iaitu pelajar daripada bidang bukan berkaitan kesihatan lebih rendah berbanding pelajar dari bidang berkaitan kesihatan. Namun, tiada perbezaan ketara yang dapat dilihat antara kedua-dua bidang pengajian tersebut. Kemungkinan besar bidang pengajian bukan satu faktor yang mempengaruhi sikap pelajar UKM terhadap penggunaan alat pelindung pendengaran. Oleh itu, kajian ingin mencadangkan agar kajian seterusnya dapat mengkaji faktor-faktor lain seperti perbezaan kaum, agama, budaya dan tempat tinggal.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, majoriti pelajar UKM dilihat kurang menitikberatkan penjagaan pendengaran yang selamat terutamanya di tempat yang memainkan bunyi muzik yang agak kuat. Ini meningkatkan risiko

untuk mengalami masalah pendengaran. Kebanyakan mereka tahu bahawa bunyi kuat termasuklah muzik boleh menyebabkan masalah atau hilang pendengaran, namun bersikap tidak peduli untuk mengelakkannya. Ini dibuktikan dengan kadar penggunaan alat pelindung pendengaran semasa di tempat bising amat rendah. Walaubagaimanapun, kebanyakan pelajar UKM dilihat menerima dan menganggap penggunaan alat pelindung pendengaran dalam masyarakat adalah sesuatu yang amat baik. Oleh itu, kajian mencadangkan untuk meningkatkan lagi program atau kempen tentang pendedahan dan pendidikan awal mengenai penjagaan pendengaran yang selamat pada masa akan datang. Tindakan awal dapat mengurangkan risiko untuk mendapat masalah hilang pendengaran dalam kalangan rakyat di negara kita.

RUJUKAN

- Alnuman, N., & Ghnimat, T. (2019). Awareness of noise-induced hearing loss and use of hearing protection among young adults in Jordan. *International Journal of Environmental Research and Public Health*. <https://doi.org/10.3390/ijerph16162961>
- Bogoch, I. I., House, R. A., & Kudla, I. (2005). Perceptions about hearing protection and noise-induced hearing loss of attendees of rock concerts. *Canadian Journal of Public Health*. <https://doi.org/10.1007/bf03404022>
- Chung, J. H., Des Roches, C. M., Meunier, J., & Eavey, R. D. (2005). Evaluation of noise-induced hearing loss in young people using a web-based survey technique. *Pediatrics*. <https://doi.org/10.1542/peds.2004-0173>
- Devon, H. A., Block, M. E., Moyle-Wright, P., Ernst, D. M., Hayden, S. J., Lazzara, D. J., Savoy, S. M., & Kostas-Polston, E. (2007). A psychometric toolbox for testing validity and reliability. *Journal of Nursing Scholarship*, 39(2). <https://doi.org/10.1111/j.1547-5069.2007.00161.x>
- Henry, P., & Fooks, A. (2012). Comparison of user volume control settings for portable music players with three earphone configurations in quiet and noisy environments. *Journal of the American Academy of Audiology*. <https://doi.org/10.3766/jaaa.23.3.5>
- Hunter, A. (2018). "There are more important things to worry about": attitudes and behaviours towards leisure noise and use of hearing protection in young adults. *International Journal of Audiology*, 57(6). <https://doi.org/10.1080/14992027.2018.1430383>
- Le Clercq, C. M. P., Van Ingen, G., Ruytjens, L., & Van Der Schroeff, M. P. (2016). Music-induced hearing loss in children, adolescents, and young adults: A systematic review and meta-analysis. In *Otology and Neurotology*. <https://doi.org/10.1097/MAO.0000000000001163>
- Martin, W. H., Sobel, J., Griest, S. E., Howarth, L., & Yongbing, S. (2006). Noise Induced Hearing Loss in Children: Preventing the Silent Epidemic. In *Journal of Otology* (Vol. 1, Issue 1). [https://doi.org/10.1016/S1672-2930\(06\)50002-9](https://doi.org/10.1016/S1672-2930(06)50002-9)
- Mccormick, J., & Matusitz, J. (2010). The impact on U.S. society of noise-induced and music-induced hearing loss caused by personal media players. *International Journal of Listening*, 24(2), 125–140. <https://doi.org/10.1080/10904011003744565>
- Mercier, V., & Hohmann, B. W. (2002). Is electronically amplified music too loud? What do young people think? *Noise and Health*, 4(16).
- NEVO, B. (1985). FACE VALIDITY REVISITED. *Journal of Educational Measurement*, 22(4). <https://doi.org/10.1111/j.1745-3984.1985.tb01065.x>
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). Psychometric Theory, 3rd edn, 1994. *McGraw-Hill, New York*, 3.
- Park, M. J., Paul Mulye, T., Adams, S. H., Brindis, C. D., & Irwin, C. E. (2006). The Health Status of Young Adults in the United States. In *Journal of Adolescent Health* (Vol. 39, Issue 3). <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2006.04.017>
- Ramakers, G. G. J., Kraaijenga, V. J. C., Cattani, G., Van Zanten, G. A., & Grolman, W. (2016). Effectiveness of earplugs in preventing recreational noise-induced hearing loss: A randomized clinical trial. *JAMA Otolaryngology - Head and Neck Surgery*, 142(6). <https://doi.org/10.1001/jamaoto.2016.0225>
- Srihari, A., P. S., & Kumar, L. (2021). Analysis of potential risk of hearing loss among students using personal audio devices. *National Journal of Physiology, Pharmacy and Pharmacology*, 0. <https://doi.org/10.5455/njppp.2021.11.11301202027122020>
- Trochim, W. M. (2001). What is the Research Methods Knowledge Base? *Research Methods Knowledge Base*.
- Wang, D., Zhuang, Y., Wu, Y., Ma, H., Peng, Y., Xu, H., Zhang, B., Zhang, L., Lei, S., Yang, L., & Xu, L. (2020). Analysis of influential factors of self-reported hearing loss deviation in young adults. *Journal of Public Health (Germany)*, 28(4). <https://doi.org/10.1007/s10389-019-01023-1>
- World Health Organization (WHO). Deafness and hearing loss. (2021b, April 1). <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/deafness-and-hearing-loss>
- Widén, S. E., Holmes, A. E., & Erlandsson, S. I. (2006). Reported hearing protection use in young adults from Sweden and the USA: Effects of attitude and gender. *International Journal of Audiology*, 45(5). <https://doi.org/10.1080/14992020500485676>
- Widén, S. E., Holmes, A. E., Johnson, T., Bohlin, M., & Erlandsson, S. I. (2009). Hearing, use of hearing protection, and attitudes towards noise among young American adults. *International Journal of Audiology*, 48(8). <https://doi.org/10.1080/14992020902894541>
- Widén, Stephen Ernst. (2013). A suggested model for decision-making regarding hearing conservation:

Towards a systems theory approach. *International Journal of Audiology*, 52(1). <https://doi.org/10.3109/14992027.2012.728724>
 Zhao, F., French, D., Manchaiah, V. K., Liang, M., & Price, S. M. (2012). Music exposure and hearing

health education: A review of knowledge, attitude, and behaviour in adolescents and young adults. In *Health Education Journal* (Vol. 71, Issue 6). <https://doi.org/10.1177/0017896911422780>

Che Muhammad Amir Che Awang*, Noor Alaudin Abdul Wahab, Nashrah Maamor & Rafidah Mazlan
 Program Audiologi,
 Pusat Kajian Rehabilitasi & Keperluan Khas,
 Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
 53200 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: cheamir98@gmail.com

Diserahkan: 11 Oktober 2021
 Diterima: 12 Oktober 2021

LAMPIRAN A

Soal Selidik Bagi Menilai Tahap Kesedaran Hilang Pendengaran Akibat Muzik

di Kalangan Pelajar UKM

Tarikh :

Umur:

Jantina:

Bangsa:

Fakulti:

Tahun pengajian:

Warganegara : __Warganegara __Bukan Warganegara

BAHAGIAN A (Bahagian ini berkaitan dengan perpepsi anda terhadap masalah semasa yang dihadapi oleh golongan muda)

1- Berikut adalah antara masalah semasa yang dihadapi oleh golongan muda. Walaupun anda tidak mengalaminya, bagaimanakah anda menilai tahap keseriusan masalah-masalah ini?

	Tidak Langsung	Kurang serius	Serius	Sangat Serius
Hilang pendengaran atau masalah pendengaran				
Kemurungan				
Obesiti				
Hilang penglihatan atau Masalah penglihatan				
Merokok/Vape				

2- Bagaimanakah anda menilai masalah berikut seandainya anda sendiri mengalaminya:

	Tidak Langsung	Kurang Serius	Serius	Sangat Serius
Hilang pendengaran atau masalah pendengaran				
Kemurungan				
Obesiti				
Hilang Penglihatan atau Masalah penglihatan				
Merokok/Vape				

BAHAGIAN B (Bahagian ini adalah berkaitan dengan masalah pendengaran)

Antara masalah pendengaran/ telinga yang kerap berlaku ialah telinga tersumbat, sakit telinga, jangkitan telinga, hilang pendengaran sementara atau kekal, tinnitus dan masalah keseimbangan badan.

3- Pernahkah anda mengalami, membaca, mendengar atau melihat perkara berkaitan masalah hilang pendengaran?

a. Ya

b. Tidak (Jika tidak, teruskan kepada Soalan 5)

4- Bagaimana/Dimana anda pernah mengalami, membaca, mendengar atau melihat perkara berkaitan masalah hilang pendengaran?

_ Media Sosial (Facebook, Instagram, Twitter, dll.)

_ Program TV (berita, forum, dll.)

_ Internet (akhbar atas talian, google, dll.)

_ Lain-lain: _____

5- Adakah anda sedang atau pernah mengalami mana-mana perkara berikut (sila tandakan Ö):

___ a. Sakit telinga (Cth. akibat bunyi bising atau jangkitan) ___ Sedang _____ Pernah

___ b. Hilang Pendengaran Sementara/Sensitiviti kepada Bunyi. ___ Sedang. _____ Pernah

___ c. Menggunakan alat bantuan pendengaran, _____ Sedang _____ Pernah

___ d. Tinnitus atau Telinga Berdesing/Berdengung (keadaan di mana terdapat bunyi berdesing/berdengung di dalam telinga tanpa kehadiran bunyi tersebut dari luar atau sekeliling).

___ Sedang ___ Pernah _____

___ e. Masalah lain berkaitan telinga/pendengaran yang tidak tersenarai (Sila nyatakan): _____

___ f. Tiada seperti yang tersenarai.

6- Berikut adalah beberapa aktiviti yang boleh menyebabkan masalah berkaitan pendengaran. Adakah anda pernah menghadiri sebarang aktiviti seperti ini sebelum pandemik Covid-19?

	Ya	Tidak	Berapa kali dalam sebulan?
Mendengar muzik kuat dengan stereo/ fon kepala, lain-lain			
Kelab atau disko			
Konsert			
Majlis dengan muzik yang kuat (perkahwinan, pesta).			
Pusat Karaoke			
Pawagam			

7- Adakah anda pernah mengalami masalah berkaitan pendengaran semasa/selepas terlibat dengan aktiviti-aktiviti berikut?

	Tidak pernah	Jarang	Kerap	Sangat kerap
Mendengar muzik kuat dengan stereo/fon kepala, lain-lain				
Kelab atau disko				
Konsert				
Majlis dengan muzik kuat (perkahwinan, pesta)				
Pusat Karaoke				
Pawagam				

BAHAGIAN C (Bahagian ini berkaitan persepsi terhadap penggunaan alat pelindung telinga)

Sila baca petikan berikut:

Pelindung telinga adalah alat yang digunakan oleh individu untuk melindungi telinga pemakai daripada bunyi yang kuat dan bising. Contohnya penyumbat telinga (ear plug) dan fon kepala (earmuff).

8- Apakah perasaan anda apabila melihat seseorang memakai pelindung telinga ketika di pesta, kelab, konsert, majlis perkahwinan ? (Kelakar, hebat, buruk, sihat)

9- Pernahkah anda memakai pelindung telinga ketika di pesta, kelab, konsert, majlis perkahwinan atau mana-mana tempat yang memainkan muzik dengan kuat?

___ a. Ya (Sila ke Soalan 11)

___ b. Tidak (Sila ke Soalan 10)

10- Berikan alasan mengapa anda tidak mempertimbangkan untuk memakai alat pelindung telinga?

11- Mengapakah anda memilih untuk memakai alat pelindung telinga?

- a. Muzik yang kuat menyebabkan masalah pendengaran (Pemakaian alat pelindung telinga adalah untuk melindungi pendengaran saya)
- b. Muzik yang kuat adalah merimaskan (gementar/gelisah)
- c. Saya mempunyai masalah pendengaran
- d. Saya mengalami kesukaran untuk tidur selepas mendengar muzik yang kuat,
- e. Lain-lain: _____

BAHAGIAN D (Bahagian ini berkaitan dengan pengetahuan terhadap masalah pendengaran dan alat pelindung telinga)

* Sila baca petikan berikut:

Bunyi yang kuat akan menjejaskan deria pendengaran dan mendengar muzik yang kuat dalam tempoh masa yang lama akan meningkatkan kemungkinan kehilangan pendengaran dan masalah berkaitan pendengaran seperti (kekurangan tidur). Penggunaan pelindung telinga di tempat yang terdapat bunyi atau muzik yang kuat amat digalakkan kerana boleh mengurangkan 75% kekuatan bunyi yang berkaitan dan dapat melindungi pendengaran.

* Sila jawab soalan yang berikut.

12- Sebelum membaca petikan di atas, pernahkah anda bertemu seseorang atau melihat program yang mencadangkan pemakaian pelindung telinga ketika di pesta, kelab, konsert, majlis perkahwinan?

- a. Ya
- b. Tidak (jika tidak, terus ke soalan 13)

13- Dari manakah anda memperolehi maklumat ini?

- a. Ibu bapa (ibu bapa, adik-beradik, saudara, dll.)
- b. Rakan-rakan
- c. Doktor, Jururawat, atau pakar penjagaan kesihatan

d. Media (TV, Internet, Radio, dll.)

e. Sejak saya mengalami masalah yang berkaitan (Pertama kali mengalaminya)

f. Dengar mengenainya ketika di pesta, kelab, konsert, majlis perkahwinan, ... dll.

g. Lain-lain: _____

14- Sebelum membaca petikan di atas, adakah anda mengetahui bahawa muzik yang kuat dan bising boleh merosakkan sistem pendengaran?

a. Ya

b. Tidak

15- Selepas membaca petikan di atas, apakah kemungkinan anda akan menggunakan pelindung telinga apabila menghadiri pesta, kelab, konsert, majlis perkahwinan atau lain-lain?

a. Sudah semestinya

b. Ya

c. Mungkin

d. Tidak langsung, nyatakan sebab (_____)

16- Tahukah anda dimana alat pelindung telinga boleh diperolehi?

a. Ya

b. Tidak

17- kebiasaannya dalam seminggu, berapakah jam anda habiskan/gunakan untuk mendengar muzik?

a. 1–5 jam

b. 6–10 jam

c. 11–15 jam

d. 16–20 jam

e. Lebih 20 jam

18- Apakah peranti yang sering anda gunakan untuk mendengar muzik?

- a. Fon kepala
- b. Fon telinga
- c. Pembesar suara atau TV
- d. Ketiga-tiganya (penggunaannya sama rata)

19- Setahu anda, berapa pendapatan keluarga anda pada tahun lalu?

- a. melebihi purata
- b. kurang daripada purata
- c. hampir dengan purata
- d. Tidak tahu
- e. Lebih memilih untuk tidak jawab